

DEIKSIS SOSIAL DALAM DIALEK MELAYU SABAH: SATU TINJAUAN AWAL

Social Deixis in Sabah Malay Dialect: A Preliminary Research

**SAIDATUL NORNIS HAJI MAHALI
WINDDY KINDUO**

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Penulis penghubung: saidatul@ums.edu.my*

Dihantar/Received: 20 Disember 2023/ Penambahbaikan/Revised: 14 Mac 2024

Diterima/Accepted: 24 Mei 2024 / Terbit/Published: 30 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.5164>

Abstrak Deiksis sosial merupakan salah satu konsep yang meneliti aspek makna dalam konteks tutur masyarakat yang dikemukakan oleh Huang (2014), dan ia dapat dikesan melalui perbendaharan kata. Perbendaharan kata mampu mendedahkan latar belakang penutur, budaya dan wilayah tutur bahasa berkenaan. Fenomena deiksis adalah kaedah yang paling terang untuk memperlihatkan kaitan antara konteks tutur dan bahasa dalam struktur bahasa itu sendiri. Titik tumpuan deiksis adalah terhadap penuturnya, maka secara tidak langsung akan dapat diketahui makna sesuatu kata, diketahui latar penutur, latar penuturan serta tempoh pengucapan sesuatu kata itu. Beracuankan teori Huang, maka hasil kajian ini telah dilaksanakan dalam konteks penutur dialek Melayu Sabah (DMS), yakni untuk meneliti kata-kata yang diguna oleh penutur-penutur DMS. Kajian ini telah dilakukan terhadap para guru di SMK Simpangan (SMKS), Beluran, Sabah melalui lima mesyuarat pengurusan, bermaksud kesemua rakaman berkenaan adalah peristiwa bahasa yang bercirikan ragam rasmi. Kesemua mesyuarat telah dirakam dan ditranskripsi dan dianalisis menggunakan perisian AntConc untuk memudahkan proses mengenal pasti leksikal DMS yang memiliki ciri-ciri DS. Hasil analisis mendapat terdapat tujuh leksikal DMS, iaitu *kasi, anu, inda, bulih, tingu, pigi* serta *bisuk* yang memaparkan elemen deiksis. Perkataan-perkataan berkenaan mempunyai perbezaan dari aspek sebutan dan ejaan, di samping wujud perbezaan makna dari segi konteks penggunaannya. Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa kesemua kata yang memiliki DS itu berhasil menampilkan identiti penutur DMS, selain turut memperlihatkan kekayaan ragam kata yang wujud di Sabah.

Kata kunci: Dialek Melayu Sabah, deiksis sosial, kosa kata, keragaman kata, Sabah, variasi etnik.

Abstract The concept of social deixis, as explored by Huang (2014), pertains to the analysis of meaning within the framework of communal speech. This phenomenon can be identified by analysing the vocabulary used. The speaker's vocabulary can provide insights into their origin, culture, and the geographical location where the language is spoken. The phenomenon of deixis

serves as a prominent means to elucidate the relationship between the contextual elements of speech and the linguistic structure of the language. The main focus of deixis lies on the speaker, enabling an indirect understanding of the word's meaning, the speaker's background, the speech's context, and the linguistic period in which the term was used. According to Huang's theoretical framework, this study has been applied within the specific context of Sabah Malay dialect (DMS) speakers, with the aim of investigating the lexical choices used by DMS speakers. This research was carried out on the educators at SMK Simpangan (SMKS), Beluran Sabah, through five management meetings. It is important to note that all the recordings utilised in this study were formal language occurrences. The recordings and transcriptions of all meetings were conducted using AntConc software in order to ease the identification of DMS lexical words that exhibit social deixis characteristics. The study reveals the existence of deixis in seven DMS lexical items: *kasi*, *anu*, *inda*, *bulih*, *tingu*, *pigi*, and *bisuk*. The lexicons exhibit distinct characteristics, particularly in terms of spelling and pronunciation. Additionally, there are variations in the meaning of certain words depending on the context. Thus, it can be inferred that all the words containing social deixis effectively convey the identity of DMS speakers and demonstrate a rich range of words present in Sabah.

Keywords: Sabah Malay dialect, social deixis, vocabulary, word diversity, Sabah, ethnic variation.

PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai ragam bahasa dan cara berbahasa yang diguna oleh setiap masyarakat bahasa. Apatah lagi, jika setiap pengguna bahasa itu bervariasi juga latar belakangnya, yang menyebabkan hadir ungkapan kata tersendiri menurut budaya tuturan kelompoknya. Di Sabah, kepelbagaian penutur bahasa etnik secara langsung mewujudkan kepelbagaian ragam bahasa, dan penutur-penutur etnik itu pula akan menggunakan satu medium perantara untuk diguna semasa interaksi intraetnik. Bahasa-bahasa etnik di Sabah memiliki struktur bahasa berbeza dan secara langsung akan turut mempengaruhi struktur bahasa perantara yang mereka gunakan khususnya dialek Melayu Sabah (DMS). DMS diguna dan difahami secara menyeluruh oleh komuniti-komuniti tempatan Sabah, namun masih wujud rintangan daripada segi konteks sefahaman apabila melibatkan penutur daripada latar dialek Melayu (DM) berlainan. Senario itu timbul kerana adanya kelainan struktur, nahu, makna dan kosa kata antara para penutur yang berbeza wilayah.

DMS sangat berbeza dengan DM di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Terdapat leksikal dalam DMS yang memiliki kekaburuan makna yang mampu menghadirkan kekeliruan semasa berkomunikasi misalnya, kata *anu* dalam DMS. Situasi sedemikian sebenarnya mewujudkan kepincangan dalam peristiwa bahasa. Perkata *anu* sering dicerap mengandungi makna yang kabur jika diujarkan sewenangnya dalam situasi bahasa yang melibatkan pelbagai penutur dialek Melayu lain. Namun, pengujaran leksikal itu boleh bersifat neutral kerana makna perkataan itu luas sifatnya dalam percakapan komuniti tempatan Sabah. Hal ini diperkuuh oleh pernyataan Rosliah Kiting dan Shira Eariy Janedeh (2023) bahawa dalam DMS, kata itu digunakan sebagai panggilan untuk orang ketiga selain turut digunakan sebagai pengganti kata bagi sesuatu perkara atau entiti yang tidak diketahui. Contoh sekecil itu membuktikan bahawa peristiwa berbahasa mampu mencetuskan salah tanggap berbahasa kerana wujud perbezaan budaya masyarakat tutur yang mendorong kepada pentafsiran terhadap makna berbeza bagi setiap

kata. Justeru, makalah ini bermaksud untuk menjelaskan konteks makna bagi perkataan-perkataan yang dipilih dalam DMS. Dengan demikian, variasi dan sifat leksikal DMS dapat diperihalkan kepada umum. Impak daripadanya, diharapkan DMS dapat ditafsir dengan baik oleh setiap individu terutama komuniti yang tidak menuturkan dialek ini.

Literatur Dialek Melayu Sabah dan Bahasa Peribumi Sabah

Kata ‘bah’ sering diguna dalam percakapan DMS. Ia merupakan partikel dan kata ‘bah’ yang sering diguna dalam percakapan DMS. Ia merupakan partikel dan kata penegasan, sekali gus turut mampu berfungsi sebagai lambang identiti sosial orang-orang di Sabah. Dengan maksud lain, penggunaan kata itu hanya berupaya dipakai dengan tepat oleh para penutur penutur bahasa di Sabah kerana ia mendukung makna budaya yang tersembunyi dalam perkataan itu. Terdapat empat peranan komunikatif bagi perkataan ‘bah’, iaitu selaku kata penguat, selaku kata penegas, selaku kata persetujuan dan selaku kata penekanan (Winddy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2022). Mereka juga memerikan aspek DMS dan DM khususnya berkait dengan masukan leksis peribumi Sabah yang sangat menonjol dalam DMS, menyebabkannya tidak dikelaskan sebagai sebahagian daripada DM di Malaysia.

Dalam DMS juga terdapat banyak perkataan yang mendukung makna masyarakat tempatan Sabah dan kata-kata berkenaan tidak terdapat di dalam kamus. Misalnya, melalui tulisan Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Alice Lim (2021), disenaraikan sebanyak 20 leksikal peribumi yang mengandungi unsur-unsur budaya yang mampu mendedahkan latar belakang penutur DMS. Antara perkataan berkenaan ialah *odu*, *pisuk*, *rogon*, *siou*, *ginawo*, *sulap*, *girigitan*, *ponsikou*, *olumis*, *tinahi*, *nokoloboi*, *tabasan*, *nokotikog*, *giuk*, *mandak*, *tombiruo*, *godoot*, *matai*, *tanak wagu*, dan *moginum*. Kesemua kata etnik berkenaan mendukung fungsi komunikatif serta tidak mudah ditukar ke perkataan-perkataan yang terdapat dalam kamus kerana kesemua perkataan berkenaan memiliki elemen budaya etnik Dusun. Contohnya, kata [su]*mandak* yang merujuk kepada wanita/perempuan yang masih berstatus bujang. Dalam konteks sama, ia turut dipakai untuk skop kata panggilan, yakni memanggil seseorang secara sopan tanpa mengetahui nama individu berkenaan. Oleh yang demikian, tidak mudah untuk mengalihkan penggunaan perkataan berkenaan kerana BMS tidak mendukung fungsi rujukan kata sedemikian. Seandainya kesemua contoh perkataan itu dialihkan ke BMS, maka pasti berlaku pemesongan kerana setiap contoh kata itu memiliki makna budaya masyarakat setempat yang tidak didukung oleh BMS. Dalam konteks Sabah, perkataan-perkataan etniknya padat dengan makna budaya yang hanya mampu dituturkan dengan tepat berdasarkan konteks oleh para penutur DMS sahaja. Seiring dengan itu, petak interaksi yang terdapat dalam CSUKS itu sangat nyata memaparkan fungsi-fungsi komunikasi yang dipegang oleh perkataan etnik di Sabah.

Dalam tulisan lain, Saidatul Nornis Hj. Mahali (2020) juga ada berkongsi pandangannya mengenai pengaruh Dialek Melayu Brunei (DMB) terhadap DMS, didapati bahawa DMS memiliki leksikal yang berasal dan memiliki pengaruh DMB. Dikesan beberapa leksikal DMB di dalam DMS seperti *buyuk* (menipu), *dugal* (gastrik), *gisil-gisil* (menggesel), *gimat* (azimat), *jajal* (nakal) dan *sigup* (rokok). Masukan leksikal-leksikal berkenaan ke dalam DMS adalah kesan daripada pertemuan bahasa yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti ekonomi, politik, penghijrahan penduduk, kedudukan geografi serta kemahiran dwibahasa yang dipunyai oleh penduduknya. Tanpa sedar, semua peristiwa bahasa antara penutur-penutur etnik di Sabah telah menimbulkan kesepakatan bahasa dengan memilih leksikal yang sesuai untuk diguna bersama bagi maksud

melancarkan proses interaksi dan komunikasi antara etnik. Sejajar itu juga didapati pengaruh leksikal DMB itu turut dirangsang oleh beberapa situasi meliputi, (i) dampak politik daripada pentadbiran Pertuanan Kerajaan Melayu Brunei ke atas Sabah; (ii) pertemuan dan kemesraan antara anggota-anggota etnik Sabah dengan komuniti tempatan Brunei telah menghasilkan rasa penerimaan yang sekali gus dipaparkan tanpa sedar melalui penggunaan leksikal-leksikal berkenaan; dan (iii) keperluan untuk menyerap leksikal-leksikal berkenaan ke dalam DMS untuk memenuhi kelompongan perkataan dan maksudnya. Sesungguhnya, garis sempadan persebaran DMB ke atas DMS adalah kabur yang menyebabkan sukar untuk menentukan pengaruhnya terhadap DMS, namun masukan banyak leksikal DMB itu membuktikan wujud penerimaan psikologi terhadap leksikal-leksikal DMB yang telah difikirkan mampu memenuhi kehendak dan fungsi tutur komuniti etnik di Sabah.


Kajian mengenai makna semantik turut mendapat perhatian Effendy Yusuff *et al.* (2018) yang memanfaatkan novel-novel Melayu yang berlatarkan komuniti etnik Sabah. Singkowoton adalah kata yang dipilih untuk diteliti daripada aspek makna. Makna *singkowoton* dikemukakan melalui dua aspek, iaitu pertama, aspek benda yang meliputi gandingan dua unsur; (i) sumber dan objek, dan (ii) subjek dan sasaran; manakala kedua, merangkumi aspek kepercayaan dengan gandingan unsur (i) objek dan elemen ghaib, dan (ii) subjek + elemen ghaib + objek. Dapat disimpulkan bahawa peranan maujud sesuatu perkataan itu akibat daripada peluang, reaksi dan reputasi sesuatu perkataan. Secara keseluruhan, didapati bahawa menerusi kaedah semantik, makna sosiobudaya dan pemikiran penutur sesuatu perkataan itu boleh dipaparkan.

Berdasarkan tinjauan terhadap literatur terdahulu didapati tidak banyak penonjolan mengenai DMS secara ilmiah, malah seluruh struktur dialek ini juga masih samar dalam konteks linguistik Malaysia. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada masukan kata-kata etnik Sabah yang lebih ketara sebagai perbendaharaan katanya, ditambah pula dengan wujudnya kekaburan serta ketidakfahaman penutur bahasa lain terhadap leksikal-leksikal DMS. Konteks sedemikian menyebabkan inti pati asas struktur linguistik seperti aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik DMS masih belum banyak didokumentasi. Hal ini secara langsung membuktikan bahawa perbezaan fitur dan kepelbagaiannya ragam budaya yang tersembunyi dalam leksikal-leksikal DMS masih kekal belum diterokai sepenuhnya oleh para ahli linguistik.

METODOLOGI

Bahan ini bersifat kualitatif. Mesyuarat Guru dari SMK Simpangan (SMKS), Beluran, Sabah telah diguna untuk memperoleh dan mengumpul data. Data daripada lima sidang perjumpaan melibatkan 49 orang guru telah dirakam secara dalam talian yang kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis. Sejumlah 26, 137 kata telah diselidik dan dihirau, hanya tujuh kata, iaitu *kasi*, *anu*, *inda*, *bulih*, *tingu*, *pigi*, *bisuk* telah dipilih untuk dibincang. Kesemua kata itu dipilih kerana diandaikan mempunyai fitur tersendiri dan dibincangkan beracuankan ragam bahasa dan budaya penutur DMS. Tatacara pengamatan dan pemilihan data dapat diperhatikan dalam Rajah 1 berikut.

Rajah 1
Tatacara pengolahan data



Lima sesi mesyuarat guru telah direkodkan dalam bentuk rakaman audio. Mesyuarat-mesyuarat terbabit terdiri daripada Mesyuarat Pemantapan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) SMK Simpangan pada 20 Ogos 2023, Mesyuarat Kurikulum Bilangan 3 SMK Simpangan pada 28 Ogos 2023, Mesyuarat Kokurikulum Bilangan 3 SMK Simpangan pada 1 September 2023, Mesyuarat Bidang Bahasa Bilangan 3 SMK Simpangan pada 12 September 2023 dan Dialog Prestasi Berfokus Bilangan 2 SMK Simpangan pada 5 Oktober 2023. Setiap sesi mesyuarat guru tersebut berdurasi di antara satu jam setengah hingga tiga jam. Setiap rakaman audio ditranskripsikan secara fonemik. Transkripsi tersebut kemudian ditapis dan dianalisis menggunakan pendekatan korpus menerusi perisian AntConc. Perisian ini mempermudah proses pemilihan data menerusi penerapan kaedah mengumpul kata dan kaedah mengumpul tutur berpandukan paparan senarai kata dan tuturan yang dijana dan dipaparkan secara automatik. Senarai kata dan tuturan yang dipilih kemudiannya dianalisis sebagai subjek perbincangan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Setiap bahasa mempunyai item-item deiksia tersendiri. Kosa kata merupakan aspek yang dapat merakamkan maklumat Deiksis Sosial (DS) (Huang, 2014). Sifat kosa kata dalam percakapan penutur sekali gus mendedahkan maklumat bahasa, suku dan budaya pengajar. Deiksis merupakan rujukan kepada konsep ‘penanda’ atau ‘penunjuk’ terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan. Peranan deiksis sebagai rerujuk dalam ungkapan penting bagi menjayakan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Tanpa kehadiran deiksis dalam tuturan, bahasa tidak dapat berfungsi dengan cekap (Huang, 2016). Dengan maksud lain, item-item penanda yakni deiksis adalah unsur yang tidak boleh diabaikan oleh penutur. Kosa kata setiap bahasa menghadirkan bentuk-bentuk deiksis berbeza yang memang sukar ditafsir oleh penutur-penutur bahasa lain. Huang (2016) turut menerangkan mengenai subjenis DS, jenis ini merangkumi item-item khusus, misalnya perbendaharaan kata dan partikel dalam sesuatu dialek atau bahasa. Tanpa perincian khas mengenai perbendaharaan kata, maka sememangnya item-item berkait tidak dapat difahami oleh penutur dialek atau bahasa yang lain. Hal itu dikatakan sedemikian kerana setiap dialek mahupun bahasa mempunyai ragam tersendiri.

Dalam penyelidikan bahasa, DS dilihat sebagai satu konteks kajian yang dapat menghubungkan dengan jelas perihal antara penutur dan latar luaran linguistik yang diujarkan sesuai dengan budaya kebahasaan yang dimilikinya. Kepelbagaiannya ras dan budaya sebenarnya menghadirkan item-item DS tersendiri yang hanya dapat ditafsir dengan baik oleh ahli komuniti itu sendiri. Tanpa pengalaman dan pengetahuan budaya setempat, tidak mungkin suatu item DS

dapat difahami oleh penutur dialek lain meskipun dari rumpun bahasa yang sama. Namun demikian, persamaan fitur sebutan antara satu dialek dengan satu dialek bagi suatu item DS sebenarnya berpengaruh terhadap pemahaman pendengar apabila item terbabit diujarkan oleh penutur tegarnya. Justeru, analisis khusus mengenai deiksis misalnya dalam konteks DMS sememangnya penting untuk menjelaskan konteks makna yang penggunaannya berkemungkinan berbeza dari perspektif ahli komuniti yang lain. Hal ini seiring hujahan Kartini (2018), yakni terdapat sifat-sifat leksikal tersendiri dari segi ejaan, kosa kata dan ayat.

Hasil kajian menemukan kata-kata tempatan yang menonjolkan bahawa wujud ungkapan BM yang diguna pakai oleh pengguna DMS tetapi diterjemah dengan sebutan berbeza daripada sebutan aslinya. Berkait itu, Kartini Abd. Wahab (2018) mengulas bahawa pengguna DMS misalnya dalam laman maya jelas menonjolkan kelainan sifat DMS dari sudut ejaan, perbendaharaan kata dan struktur ayat.

Leksikal *Kasi, Anu, Inda* dan *Bulih*

Sifat perbendaharaan kata DMS dikenal pasti menonjolkan perbezaan ketara daripada aspek bunyi dan ejaan. Untuk konteks perbincangan ini, item deiksis yang ditemui terdiri daripada ungkapan *kasi*, *anu*, *inda* dan *bulih*. Penggunaannya dapat diteliti menerusi Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1

Penggunaan item *kasi, anu, inda* dan *bulih*

Penutur (R)	Ujaran
R1	: Cadangan saya, bagus kita <i>kasi</i> letak 8 orang guru bertugas sebagai pengadil untuk bahagian pengadilan acara-acara.
R2	: Jadi maksudnya, yang itu 8 orang saja yang bertugas la nanti <i>anu</i> ? Pengadilan sukan? Bermaksud itu 8 orang guru <i>inda</i> perlu <i>kasi</i> libat dalam tugas-tugas yang lain sudah?
R3	: <i>Kasi anu</i> ja bah... Ok <i>bulih</i> sudah itu.

Ujaran R1 dalam Jadual 1 menunjukkan ayat cadangan kepada para penerima ujaran. Berkait ayat cadangan, Siti Hajar Abdul Aziz (2010) menjelaskan bahawa ayat ini merujuk kepada tuturan yang bermotifkan pemberitahuan atau pernyataan saranan mengenai perihal yang perlu diselesaikan. Dalam tuturan R1 tersebut, beliau menyarankan agar pihak sekolah mewujudkan kumpulan pengadil acara sukan yang terdiri daripada lapan guru. Kelompok tersebut tidak perlu bertugas dalam bahagian pengurusan yang lain. Dalam tuturan R1, pengajaran item *kasi* dapat diperhatikan dalam predikat ayat “*kita kasi letak lapan orang guru*.”.

Ujaran *kasi* tersebut bermaksud (i) bagi, beri dan (ii) membuat supaya (*Kamus Dewan*, 2016: 682). Lingkungan makna item ini merangkumi [+memberi suatu], [+melakukan sesuatu], [+barang], [+perihal] dan [+kesan]. Dalam konteks Sabah, ujaran ‘*kasi*’ kerap digunakan dalam pertuturan harian, malah ia juga telah sekian lama diturun kepada generasi kini yang jelas meneruskan penggunaannya sama ada dalam peristiwa bahasa yang bersifat rasmi mahupun sebaliknya. Percontohan ujaran dalam Jadual 1 menunjukkan kata kerja *kasi* digunakan beberapa

kali dalam interaksi antara R1, R2 dan R3. Kekerapan penggunaan ungkapan ini dalam percakapan sebenarnya jelas menonjolkan bahawa item itu adalah DS yang berupaya merakamkan latar belakang penutur DMS tersebut. Hal ini demikian kerana penutur-penutur DM lain tidak menggunakannya sepertimana konteks tutur di Sabah. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa penutur cenderung memilih kata *kasi* berbanding kata ‘beri’. Didapati perkataan *kasi* juga tegar diguna sebagai ayat perintah oleh para guru di SMKS. Perincian perbualan yang dikemukakan jelas menunjukkan ungkapan *kasi* merupakan DS kerana ia berhubung kait dengan maklumat sosial, iaitu hanya diujarkan oleh penutur DMS.

Namun, tidak disangkal bahawa item ini juga diujarkan oleh sebilangan kecil penutur DM yang lain tetapi pembudayaannya dalam pertuturan tidak ketara sepertimana percakapan penutur-penutur DMS. Justeru, dapat dirumus bahawa item ini ialah ujaran utuh dalam kelompok DS. Hal ini diperkuuh dengan misalan penggunaan istilah ‘*kasi*’ yang ternyata turut kerap digunakan oleh penutur dialek Melayu Ambon yang menggunakan kata ‘*kasi*’ dalam hal konstruksi kausatif yang berperanan sebagai verba bantu. Melalui tulisan Johny Tjia (1992: 44), beliau menerangkan bahawa terdapat kelainan suasana penggunaannya dalam dalam dialek Melayu Ambon, iaitu penuturnya kadangkala menggunakan kata sinonim ‘*biking*’ untuk menggantikan kata ‘*kasi*’. Dikatakan bahawa ‘*kasi*’ dan ‘*biking*’ dalam dialek itu dapat saling menggantikan serta berpengaruh sebagai pengukuhan makna kausatif tuturan.

Di samping itu, ujaran R2 pula menunjukkan pengajaran DS *anu*. Hasil tafsiran makna, item ini sebenarnya mempunyai banyak maksud yang dipengaruhi oleh lingkungan maklumat tuturan. Justeru, untuk mendalami tafsiran maksud leksikal *anu* daripada lingkungan makna pertuturan DMS, maka pemahaman empirikal terhadap seluruh tuturan yang menghadirkan item itu perlu dirungkai terlebih dahulu. Secara umum, lingkungan maksud item *anu* terdiri daripada [+barang], [+perihal], [+ungkapan sementara] dan [+kejadian].

Seterusnya, ujaran R2 tersebut ialah ujaran soalan berantai yang boleh diasingkan kepada tiga ayat, iaitu (i) “*Jadi maksudnya, yang itu 8 orang saja yang bertugas la nanti anu?*”; (ii) “*Pengadilan sukan?*”; dan (iii) “*Bermaksud itu 8 orang guru inda perlu kasi libat dalam tugastugas yang lain sudah?*”. Maksud konteks tuturan (i) adalah beliau menginginkan penerangan mengenai jumlah guru mengadili acara sukan yang akan dilangsungkan. Tuturan kedua R2 pula adalah meminta maklumat terperinci mengenai pelantikan lapan petugas pengadilan sukan. Tuturan ketiga R2 pula merupakan ayat pertanyaan yang bermakna meminta penerangan sama ada lapan orang petugas itu akan terlibat dalam bahagian tugas lain atau tidak.

Ujaran *anu* oleh R2 dapat dilihat dalam tuturan pertama, iaitu “...8 orang saja yang bertugas la nanti anu?”. Item *anu* itu sebagai pengganti frasa ‘berkenaan hal’ dalam frasa “..nanti *anu*?,” namun tuturan lengkap tidak diujar menyebabkan tuturan itu tidak jelas dan tergantung tanpa makna yang jelas. Pengajaran item *anu* boleh berlaku pada awal tuturan atau di akhir tuturan, binaan tidak lengkap sedemikian adalah suatu tuturan yang lazim diguna dalam tuturan pengguna DMS. R1 juga menghadirkan item *anu* dalam tuturan yang tidak lengkap semasa ia diujar meskipun penerima ujaran, iaitu guru-guru yang juga pengguna DMS dapat mentafsir maklumat yang dirujuk oleh R2. Hal ini dipengaruhi oleh faktor perkongsian sifat dialek, amalan berbahasa yang sama dan komuniti setempat antara penutur dan penerima ujaran. Rentetan itu, maklumat penggunaannya dapat difahami tanpa menimbulkan ketidakjelasan atau ketaksaan dan

keresahan kepada penerima ujaran. Dalam konteks Sabah, kata itu diguna untuk memeri suatu isu atau perihal yang tidak diujar secara jelas sama ada disengajakan atau tidak, namun rujukannya telah diketahui dan difahami oleh pendengar.

Seperkara yang menarik, penggunaan kata *anu* oleh penutur DMS sebenarnya berlaku secara langsung, iaitu tanpa perancangan atau pertimbangan. Realiti dalam suasana interaksi sebenar, ada masanya penutur tidak mempunyai idea, percakapan tidak lancar, tidak dapat menerang dengan jelas dan tidak pasti untuk menetapkan ujaran dalam melengkapkan ujaran. Keadaan tersebut berpengaruh terhadap pemilihan kata sebagaimana ujaran *anu* yang berperanan sebagai ujaran ‘sementara’ kerana dia tidak berupaya menjana item kata yang berpadanan dalam merujuk sesuatu perkara namun item itu telah diketahui konteksnya. Tuturan R3 juga memperlihat penggunaan item *anu* menerusi tuturan “*Kasi anu ja bah... Ok bulih sudah itu.*”. Deiksis *anu* dalam ujaran R3 merujuk kepada suatu perihal namun sebagaimana penjelasan terdahulu, tuturan yang tidak lengkap dan tidak jelas itu tetap dapat ditafsir oleh pesapa ekoran mereka mengikuti konteks perbualan berkenaan sejak awal. Kekaburuan konteks dapat dielak kerana semua penutur-pendengar berada dalam konteks tuturan sejak awal. Ciri sedemikian sejajar dengan ulasan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012a), iaitu pertuturan penutur DMS merakamkan kelainan sifat DMS malahan, penggunaannya berpengaruh terhadap bahasa-bahasa sukuan dan sebaliknya. Berdasarkan penggunaan deiksis *anu*, jelas terlihat konteks sosial dikesititu memperkuuh kelompoknya sebagai item DS dalam DMS

Hal serupa juga ditemukan melalui item *inda* yang mengandungi maklumat sosial pengujarnya. Masyarakat lokal di Sabah lebih memilih untuk mengujarkan item (i) *inda* atau (ii) *nda* berbanding bentuk asal ‘tidak’ dalam BMS. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016: 1680), item tersebut diujar untuk menyampaikan penafian, penolakan atau larangan. Pengujaran item *inda* dapat dilihat dalam ujaran R2 dalam “*Bermaksud itu 8 orang guru inda perlu kasi libat dalam tugas-tugas yang lain sudah?*”. Item *inda* dalam tuturan itu diujar dengan peranan penafian. Sepertimana dalam BMS, kata penolakan ‘tidak’ sebenarnya tidak mempunyai kelainan daripada sudut maksud dalam percakapan penutur DMS untuk menterjemah bentuk *inda*. Perbezaan hanya dari aspek ejaan dan pengucapannya sahaja. Walau bagaimanapun, perbezaan itu tidak berpengaruh terhadap lingkungan maksud item, iaitu [+penafian], [+penolakan], [+pernyataan] dan [+pemberitahuan]. Peserta-peserta bahasa dalam lima mesyuarat itu didapati memperlihat pengujaran item penafi *inda* dan *nda* dengan ketara.

Dalam interaksi penutur DM yang lain misalnya DM Sarawak, DM Johor, DM Perak dan DM Melaka, ujaran item penafian dengan bentuk *inda* tidak mungkin berlaku melainkan mereka membesar dalam lingkungan masyarakat penutur DMS atau telah menetap di Sabah. Hal ini demikian kerana bentuk *inda* adalah bentuk kata nafi yang hanya wujud di Sabah kesan pengaruh kata-kata sukuan. Hal ini dikukuhkan dengan gagasan Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Alice Lim (2021) bahawa pengujaran ungkapan sukuan oleh masyarakat lokal sebenarnya menjadi penanda kepada asal usul dan latar belakang penutur.

Kata bantu ragam *bulih* juga merupakan item DS yang ditemukan dalam mesyuarat guru di SMKS. Kewujudan item ini berpandukan kepada kata bantu ragam aspek ‘boleh’ yang terdapat dalam BMS. Perbezaan sebutan itu tidak memberi apa-apa kelainan maksud daripada item asalnya iaitu ‘boleh’. Maksud yang didukung sama dengan maksud item ‘boleh’ iaitu, (i) mampu atau berkeupayaan dan (ii) tidak dihalang, dibenarkan (*Kamus Dewan*, 2016:198). Daripada sudut

lingkungan maksud, tafsiran yang dirujuk merangkumi [+dapat], [+tiada disekat], [+berupaya], [+berkemampuan] dan [+dibenarkan].

Sebenarnya, kelainan pengucapan item *bulih* juga menjadi penunjuk latar belakang penutur DMS. Kebanyakan item dalam DMS mengalami perubahan penyebutan vokal /o/ kepada /u/. Perubahan sedemikian sangat biasa berlaku. Selain disebabkan oleh faktor pengaruh bahasa-bahasa etnik, perubahan itu juga berpunca daripada penurunan langsung sesuatu kata purba ke kata yang diguna kini. Kebanyakan bahasa etnik di Sabah mengekalkan turunan vokal purba /u/ seperti kata *batu > batu. Demikian juga untuk vokal /i/ yang sama ada kekal sebagai /i/ atau berubah menjadi /e/ dalam bahasa Melayu Purba sepertimana contoh berikut *lihx > leher. Kata ‘boleh’ berasal daripada turunan kata purba *’ulih, maka sangat tidak menghairankan sekiranya ia disebut sebagai *bulih* dalam bahasa-bahasa etnik di Sabah. Penurunan vokal purba itu menyebabkan kebanyakan bahasa etnik telah mengekalkannya dalam leksikal etnik yang secara tidak langsung mempengaruhi kosa kata DMS.

Mesyuarat guru sememangnya merupakan urusan rasmi dan memerlukan ahli-ahlinya memilih dan menggunakan kata serta ayat piaawai. Walau bagaimanapun, mesyuarat guru yang dilangsungkan di SMKS menunjukkan bahawa guru-guru berpegang teguh kepada kebiasaan pertuturan harian dengan mengujarkan istilah BM dalam bentuk DMS sepertimana pengujaran item *bulih* untuk menggantikan kata ‘boleh’. Peristiwa bahasa itu berlaku sedemikian kerana ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada penduduk setempat dan masing-masing menggunakan DMS dalam percakapan harian.

Leksikal *Tingu*, *Pigi* dan *Bisuk*

Meskipun BM telahpun berperanan sebagai bahasa perantara sama ada dalam konteks rasmi dan tidak rasmi di Sabah, perjuangan pemartabatannya sebagai bahasa utama di Sabah belum tercapai. Dalam sudut perihal pendidikan, BM sememangnya telah mencapai kejayaan besar sejak ia telah menjadi bahasa perantara di semua sekolah kebangsaan (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2017). Meskipun BMS diguna dalam mana-mana aktiviti rasmi di sekolah, tetapi masih wujud juga kecenderungan penggunaan DMS semasa aktiviti-aktiviti rasmi misalnya ketika bermesyuarat. Sukar untuk menafikan sepenuhnya penggunaan kata-kata dialek khusus dalam aktiviti rasmi kerana kata-kata sedemikian lebih mendukung pertalian makna dengan aktiviti yang dilaksanakan, selain kata-kata itu juga mendukung intipati budaya masyarakat setempat.

Penggunaan kata-kata yang memiliki nilai rasa budaya sedemikian merupakan antara modus kesantunan dalam mewujudkan komunikasi yang aman dan dapat ditafsir oleh penutur-pendengar. Berkait itu, Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012b) menyatakan bahawa semasa komunikasi dilangsungkan, penutur perlu mengandaikan penerima ujaran berupaya mentafsir maklumat yang disampaikan dengan rujukan kepada aspek budaya serta inti makna yang terdapat dalam sesuatu perbualan. Penggunaan DMS dilihat signifikan untuk mewujudkan persefahaman maksud konteks ujaran sesama penutur-pendengar. Analisis yang telah dibuat menemukan penggunaan bahawa penggunaan DMS oleh para guru sangat menonjol. Sifat-sifat terbabit dapat dikenal pasti melalui penuturan kata DMS yang dipengaruhi oleh ujaran-ujaran sukuan khususnya aspek sebutan. Antara ujaran itu adalah *tingu*, *pigi*, dan *bisuk*. Jadual 2 mempamerkan konteks tuturan itu.

Jadual 2

Penggunaan leksikal *tingu*, *pigi* dan *bisuk*

Penutur (R)	Ujaran
R1	: Pasal pelaksanaan kajian tindakan, kalau ada contoh kajian tindakan yang terperinci boleh juga kita <i>tingu</i> sama-sama. Tapi bahannya belum lagi sampai dengan saya.
R2	: Bah, jangan lupa <i>pigi</i> menanya balik sama dia. Mana tau dia lupa sudah mau <i>forward</i> itu bahan.
R3	: Bah. <i>Bisuk</i> kalau tiada halangan, akan ada <i>meeting</i> . Kalau ada sudah itu bahan, kita <i>tingu</i> sama-sama la nanti.

Tuturan R1 dalam Jadual 2 menunjukkan ayat penyata “*Pasal pelaksanaan kajian tindakan, kalau ada contoh kajian tindakan yang terperinci boleh juga kita tingu sama-sama. Tapi bahannya belum lagi sampai dengan saya.*”. Maksud tuturan itu ialah semua guru perlu melakukan kajian tindakan. Semua guru boleh merujuk misalan perancangan tindakan yang diperoleh daripada sekolah lain, tetapi garis panduan tersebut itu belum lagi diperoleh. Hal ini bermakna, SMKS akan mengadakan program khas tentang kajian tindakan dalam masa terdekat. Selanjutnya, R2 memberi respons dengan mengujarkan ayat perintah “*Bah, jangan lupa pigi menanya balik sama dia. Mana tau dia lupa sudah mau forward itu bahan.*”. Ujaran R2 itu bermaksud beliau mencadangkan R1 untuk meminta maklum balas daripada pihak terbabit mengenai garis panduan program kajian tindakan yang akan diadakan dengan andaian bahawa terdapat kebarangkalian individu itu terlupa untuk memberikan bahan-bahan panduan berkaitan. R1 memberikan maklum balas dengan mengujarkan ayat penyata, iaitu “*Bah. Bisuk kalau tiada halangan, akan ada meeting. Kalau ada sudah itu bahan, kita tingu sama-sama la nanti.*”. Maksud konteks ujaran itu adalah beliau memaklumkan bahawa satu mesyuarat khas tentang program kajian tindakan akan dilangsungkan pada kesokan hari sekiranya tiada apa-apa halangan.

Berpandukan tuturan R1 dan R2, didapati terdapat tiga item DS yang diujar dalam percakapan sehari-hari oleh penutur DMS, iaitu *tingu*, *pigi* dan *bisuk*. Perubahan fonologi tiga item terbabit daripada BMS ke DMS adalah seperti berikut:

Jadual 3

Perubahan fonologi item *tingu*, *pigi* dan *bisuk*

DMS		BMS	
Fonemik	Fonetik	Fonemik	Fonetik
/tingu/	[tiŋu]	/tengok/	[teŋoʔ]
/pigi/	[pigɪ]	/pergi/	[pərgɪ]
/bisuk/	[bisuʔ]	/besok/	[besoʔ]

Secara umum, item DS *tingu* berakarkan kepada ujaran BMS, iaitu ‘tengok’ yang bermakna lihat, pandang dan tengok (*Kamus Dewan*, 2016:938). Komponen maksud pula terdiri daripada [+mata], [+deria], [+melihat], [+perbuatan] dan [+mengamati]. Kata ini diujar sebagai item DS kerana bentuknya yang berbeza berbanding dengan bentuknya dalam BMS daripada

aspek ejaan dan sebutan. Pengajaran item *tingu* diperhati menerusi tuturan R1 dalam frasa “...*kita tingu sama-sama*. ” Dalam ujaran itu, R1 mengutarakan tuturan perintah kepada para pesapa untuk melaksanakan tindakan berkenaan, iaitu merujuk bahan-bahan bertulis. Pengajaran item *tingu* dibuat untuk menyatakan perilaku serta tindakan yang harus diselesaikan oleh ahli-ahli mesyuarat.

Selanjutnya adalah kata kerja *pigi* yang bersumberkan kata kerja BMS ‘pergi’. *Kamus Dewan* (2016:1138) menyatakan makna kata ‘pergi’ seperti berikut (i) berjalan atau menuju ke sesuatu lokasi, (ii) meninggalkan lokasi, berundur dan (ii) berangkat, bertolak. Dari aspek komponen maksud pula, item ‘pergi’ merangkumi [+perbuatan], [+pergerakan], [+berpindah], [+tempat] dan [+perintah]. Pengajaran kata kerja *pigi* dapat diperhatikan dalam tuturan “*Bah jangan lupa pigi menanya balik sama dia*. ” Dalam ujaran itu, item *pigi* diujar untuk melengkapkan ayat perintah itu agar maksud konteks untuk menyuruh pesapa berhubung dengan individu lain untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan sahih. Ringkasnya, walaupun terdapat perubahan fonologi daripada kata /tengok/ dalam BMS kepada /tingu/ dalam DMS, tetapi makna kata itu masih sama.

Dalam DM yang lain, item DS *bisuk* diujar dengan bentuk baku sebagai (i) ‘esok’ ataupun (ii) ‘besok’. Menurut perkamusian, ‘esok’ didefinisikan sebagai (i) satu hari selepas hari ini, besok, (ii) kemudian hari, nanti, kelak (*Kamus Dewan*, 2016:401). Item ‘besok’ pula ditafsir sebagai (i) esok hari, hari selepas hari ini, (ii) pada masa akan datang, kelak (*Kamus Dewan*, 2016:175). Ketiga-tiga bentuk itu, iaitu *bisuk*, ‘esok’ dan ‘besok’ merujuk kepada lingkungan maksud yang sama iaitu dengan fitur [+hari], [+waktu], [+masa akan datang], [+bukan hari ini] dan [+hari selanjutnya]. Pengajarannya dapat diperhatikan menerusi dalam ujaran R1 iaitu “...*Bisuk kalau tiada halangan, akan ada meeting*. ”. Dalam ayat itu, item *bisuk* diujar untuk tujuan menjelaskan masa. Pengucapan DS *bisuk* itu bertepatan dan seiring peranan DS itu sendiri, iaitu sebagai item penanda atau penunjuk dari aspek masa tentang perihal rujukan. Jelas bahawa kewujudan item-item terbabit dalam DMS adalah sebagai item DS yang tentulah bentuk sebutan itu tidak sama dengan bentuknya dalam DM yang lain.

Perincian analisis yang dikemukakan mengenai aspek kosa kata jelas mempamerkan sehimpunan bentuk item tersendiri dalam DMS. Kelainan item kata antara DMS dan BMS jelas terlihat daripada aspek ejaan dan sebutan. Penerangan tentang perbezaan bentuk item dalam DMS berhubung rapat dengan kupasan Nik Safiah Karim (2017) yang menyatakan bahawa pengaruh daripada variasi bahasa sukuan merupakan penyumbang utama kepada pembinaan BM di Sabah, iaitu hadirnya perbauran kata yang tinggi. Item-item kata yang difikirkan tidak diketahui oleh penutur etnik telah digantikan dengan leksikal sukuan yang kemudiannya diguna pakai oleh semua penutur BM variasi Sabah sendiri. Pemilihan item kata itu tidak berlaku secara formal, sebaliknya wujud secara spontan ketika interaksi berlangsung, dan akhirnya item tersebut diguna pakai sehingga hari ini. Misalnya, kata lokal *bah* yang berperanan sebagai kata tugas hanya wujud dalam DMS dan tidak wujud dalam DM yang lain. Begitu juga dengan item-item DS lain yang telah diperincikan dari sudut kosa kata.

Pengaruh bahasa sukuan boleh wujud akibat serapan fitur daripada mana-mana kategori suku misalnya Dusun, Murut, Bajau, Iranun, Rungus dan sebagainya. “Persetujuan tanpa sedar” semasa interaksi berlangsung menyebabkan item terbabit bertahan dan tegar diguna sehingga

kini. Penuturan DMS signifikan sebagai bahasa perantara dalam kalangan masyarakat lokal Sabah kerana ia sekali gus menjadikan penutur DMS dilabel sebagai “orang Sabah” meskipun mereka tidak menetap di Sabah atau berasal dari Sabah. Tambahan itu, kebiasaan tersebut seterusnya menjadikan DMS sebagai jati diri penting penutur, khususnya masyarakat tempatan Sabah. Perkara ini signifikan kerana DMS unik dan jelas berbeza daripada BM baku yang diguna pakai sebagai bahasa perantara rasmi di seluruh Malaysia (Nik Safiah Karim, 2017).

PERBINCANGAN

Menurut Asmah Hj. Omar (1991), setiap bahasa dan dialek memiliki komuniti penuturnya yang tersendiri. Dikatakan bahawa suatu alat perantara akan luput jika tidak ada penggunanya. Hal ini sekali gus merakamkan bahawa setiap bahasa yang wujud masing-masing memiliki penyebaran dan kawasan. Dalam konteks DMS yang umum diketahui bahawa ia adalah alat perantara masyarakat yang hanya dituturkan oleh masyarakat lokal di Sabah. Kewujudan faktor sosiobudaya, tipografi dan politik sesuatu kawasan, dikatakan bahawa ia telah membawa kepada kewujudan bentuk dan fitur ujaran berbeza-beza bagi setiap bahasa dan dialek.

Setiap bahasa mempunyai kepelbagaiannya. Meskipun DMS tidak diisyiharkan sebagai satu dialek di Malaysia sehingga kini, tetapi ia ditutur oleh masyarakat lokal Sabah. Kepelbagaiannya corak pertuturan penuturnya telah menyumbang kepada wujudnya kelainan bentuk-bentuk leksikal. Perbezaan yang dimaksudkan adalah fitur sebutan daripada suatu sumber bahasa yang mempunyai kelainan kecil misalnya sebutan dan konteks penggunaan (Asmah Hj. Omar, 1991). Kelainan bahasa sebenarnya turut berpunca daripada ragam sosiobudaya masyarakat setempat (Noriah Mohamed, 1998). Meskipun penutur DMS itu berasal dari etnik berbeza tetapi wujud perkongsian dari segi bahasa perantara dan nilai sosiobudaya.

Kosa kata DMS terbukti mempunyai kelainan-kelainan leksikal. Hasil kajian ini menunjukkan penggunaan item *kasi*, *anu*, *inda*, *bulih*, *tingu*, *pigi* dan *bisuk* yang ciri pengujarannya tidak sama berbanding BMS dan DM yang lain. Kewujudan pengaruh sebutan bahasa etnik akhirnya membina kelainan fitur pengajaran BM di Sabah yang melahirkan item ujaran dengan ciri yang berbeza dengan DM yang lain (Winddy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2022). Ragam bahasa tersebut wujud secara tanpa sedar yang kemudiannya telah memperlihat ketidaksamaan sifat antara DMS dengan DM yang lain. Temuan item-item DS iaitu *kasi*, *anu*, *inda*, *bulih*, *tingu*, *pigi* dan *bisuk* yang ditemui dalam kajian ini memaparkan cara penutur DMS menyebut kata-kata Melayu dalam acuan etnik.

Seperkara yang menarik adakah cakupan makna bagi setiap item DS seperti *anu*. Kecenderungan maksud item DS ini berkemungkinan ke arah perihal sulit dan lucu daripada perspektif BMS dan DM yang lain. Namun, hal berbeza dalam konteks DMS kerana lingkungan maksud item DS ini adalah neutral sebagaimana yang telah dibincang dalam dapatan kajian. Hal ini berkait pernyataan Nik Safiah Karim (2017) bahawa sikap terhadap bahasa yang digunakan menjadi penyebab yang mempengaruhi penggunaan serta penerimaan suatu komuniti terhadap item tuturan. Sikap terhadap bahasa yang disebutkan merujuk kepada nilai rasa sama ada positif atau sebaliknya terhadap sesuatu bahasa. Hal serupa telah dibuktikan dengan jelas dalam hal pengajaran DS *anu* oleh penutur DMS yang ternyata diterima dan dianggap sebagai diksi yang mempunyai nilai rasa sederhana. Maksud spesifik suatu item dalam DMS hanya dapat

diinterpretasi sekiranya penyapa dan pesapa mempunyai pengalaman bahasa kecaknaan yang baik terhadap konteks pertuturan masyarakat setempat (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2012a).

Variasi bahasa etnik membawa kepada perbauran kosa kata yang akhirnya membentuk item-item DMS. Kebiasaan budaya tutur penutur bahasa etnik mengakibatkan fitur sebutan dalam etnik digunakan secara spontan oleh penutur ketika bertutur dalam BMS meskipun urusan atau situasi bahasa yang diadakan itu bersifat rasmi. Berkait serapan bahasa etnik dalam DMS, ia boleh tersebar pelalui perbauran kata dari mana-mana etnik misalnya Dusun, Rungus, Bajau dan Iranun. Amalan, penerimaan dan ‘persetujuan tanpa sedar’ ketika interaksi menyebabkan item diksi itu tegar digunakan dan bertahan hingga kini (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2017).

Pengajaran item DS dalam pertuturan masyarakat lokal Sabah sebenarnya penting untuk merakamkan latar belakang sosial. Item-item DS yang digunakan bertujuan merealisasikan peranan tertentu, antaranya menjadi ‘penunjuk’ perihal yang dirujuk. Sebagaimana Huang (2014), suatu bahasa tidak berperanan dengan baik tanpa kewujudan item DS. Oleh itu, setiap peserta bahasa perlu bertanggungjawab dalam memastikan komunikasi dengan peserta-peserta bahasa berlangsung dengan baik di samping meminimumkan kewujudan gangguan bahasa terutama berkait tafsiran maksud tuturan. Signifikannya, interaksi pelbagai hala dapat diadakan dengan lancar dan berkesan.

KESIMPULAN

Secara tuntas, perbualan para peserta bahasa dalam lima mesyuarat yang diadakan di SMKS jelas membuktikan varian diksi DMS. Sifat-sifat ujaran yang ditemukan menunjukkan peserta bahasa lazim menggunakan bentuk dialek berbanding bentuk standard walaupun situasi bahasa tersebut adalah rasmi. Hal ini demikian kerana rata-rata peserta mesyuarat merupakan suku peribumi Sabah dan menggunakan DMS sebagai bahasa pertuturan harian. Dari perspektif yang lain, penggunaan bahasa setempat sebenarnya merupakan pendekatan dalam menunjukkan nilai kekitaan sesama peserta bahasa. Pengajaran item DS seperti *kasi, anu, inda, bulih, tingu, pigi* dan *bisuk* berperanan sebagai penanda latar yang diperkatakan sama ada dari aspek masa, tempat dan sosial. Dalam setiap pertuturan, penutur peka dengan pengajaran item-item penanda dalam tuturan melalui penggunaan DS yang bertepatan dengan konteks. Melalui pertimbangan tersebut, penyampaian bahasa berlangsung dengan lancar selain mampu ditafsir dengan baik oleh penerima ujaran. Sebagai rintisan kajian lanjut, maka diusulkan topik mengenai kosa kata lokal diteruskan merangkumi item-item lokal yang lain dalam konteks bahasa tempatan Sabah ekoran tulisan yang merungkai DMS dan bahasa suku di Sabah masih kurang diteroka sehingga kini. Ketidaaan penelitian berkait itu tentulah menyukarkan perkembangan penyelidikan bahasa lokal Sabah. Hasil penelitian ini diharap berupaya menjadi panduan dan rangsangan kepada kajian yang seterusnya.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Huang, Yan. (2014). *Pragmatics* (2nd ed.). Oxford University Press.
Huang, Yan. (2016). Pragmatics: Language use in context. In Allan, K. (ed.). *The Routledge Handbook of Linguistics* (pp. 205-220). Routledge.

- Johnny Tjia. (1992). Partikel-partikel dalam klausa, kalimat, dan wacana Melayu Ambon: Catatan pendahuluan. *Cakalele*, 3, 43-61.
- Kamus Dewan. (2016). Edisi ke-5. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd. Wahab. (2018). Ciri dan fungsi komunikatif Bahasa Melayu Sabah dalam media sosial. *Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 58-74.
doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-04
- Nik Safiah Karim. (2017). Sikap terhadap bahasa kebangsaan. Dlm. Nik Safiah Karim (ed.), *Perancangan Bahasa: Ideologi Bahasa Melayu*. (pp.42). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik bahasa Melayu di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rosliah Kiting & Shira Eariy Janedeh. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi Bahasa Melayu standard pelajar bumiputera di UPSI. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(2), 75-87.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2012a). *Pesona dialek Melayu Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2012b). Perpaduan pelbagai etnik melalui bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 12(12), 14-18.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2017). Kedudukan bahasa kebangsaan di Sabah. Dlm. Nik Safiah Karim (ed.), *Perancangan Bahasa: Ideologi Bahasa Melayu* (pp.150). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Repositori budaya dan kognitif menerusi leksikal sesuatu bahasa. Dlm. Halina Sendera Mohd Yakin, Rosmah Derak & Abdul Hair Beddu Aisis (eds.), *Pengajian Liberal dan Kelangsungan dalam Landskap Pendidikan Negara* (pp. 83-106). Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Alice Alim. (2021). Kata-kata etnik sebagai identiti penutur dialek Melayu Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(3), 65-75. doi.org/10.17576/jatma-2021-0903-06
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik linguistik*. Penerbit Universiti Malaya.
- Winddy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2022). Peranan komunikatif deiksis sosial ‘bah’ dalam dialek Melayu Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(3), 39-50.